

1978

KOTA BAHARU, 8 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI PERUNTUKAN WANG YANG BANYAK BAGI NEGERI MELAINKAN TIDAK AKAN MEMBAWA PEMBANGUNAN KEPADA RAKYATNYA MELAINKAN TERDAPAT PENTADBIRAN YANG JUJUR YANG SANGGUP BERBAKTI UNTUK MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PEMBANGUNAN TIDAK BERGANTUNG SEMATA-MATA KEPADA PERUNTUKAN WANG TETAPI JUGA KEPADA PEMERINTAHAN YANG CEKAP DAN JUJUR.

PERUCAP MERASMIKAN MASJID DI PADANG CHENOK, SALOR, 11 BATU DARI SINI BELIAU BERKATA WALAUPUN WANG YANG BANYAK DI SALURKAN KE NEGERI ITU TETAPI JIKA PEMERINTAHAN YANG DIADAKAN TIDAK MENGUTAMAKAN RAKYAT, RAKYAT SENDIRI TIDAK AKAN MERASAI NIKMAT DARINYA.

+INILAH SEBABNYA KITA INGIN MENENTUKAN WANG YANG DIUNTUKKAN ITU DITADBIRKAN OLEH ORANG-ORANG YANG DAPAT MENGGUNAKANNYA DAN SANGGUP BERKHIDMAT UNTUK RAKYAT.

+PENENTUAN INI PERLU DIBUAT SUPAYA PERUNTUKAN WANG ITU TIDAK AKAN DIPERALATKAN OLEH ORANG-ORANG BAGI KEPENTINGAN DIRI MEREKA SENDIRI. + KATANYA.

+KITA TIDAK MAHU ORANG-ORANG ITU SEMATA-MATA BERKATA MEREKA POLEH MENGURUSKAN PERUNTUKAN ITU KERANA PERUNTUKAN ITU TIDAK MUNGKIN DITARIK BALIK. +--BERSAMBUNG 1907/AI

152

££

B638:

MAHATHIR-PEMBANGUNAN 2 KOTA BAHARU

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBIDAS SEKUMPULAN ORANG YANG DIPIMPIN OLEH +ORANG-ORANG YANG LEBIH MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI+ YANG CUBA MEMECAHBELAHKAN PERPADUAN DI NEGARA INI.

KUMPULAN INI KATANYA BERUSAHA SEDAYA UPAYA UNTUK MEMECAHBELAHKAN PERPADUAN INI.

+BAGI PARA PEMIMPIN KUMPULAN INI, PERPADUAN TIDAK MEMPUYAI HARGA TETAPI HANYA MERUPAKAN ALAT UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI. +

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA APABILA KUMPULAN INI GAGAL DALAM USAHA-USAHA MEREKA MEMPERALATKAN PERPADUAN UNTUK DIRI SENDIRI, MEREKA MULAKAN USAHA MEMECAHBELAHKAN PERPADUAN TERSEBUT.

+BAGAIMANAPUN KITA BERSYUKUR KERANA RAKYAT SEDAR TENTANG PERKARA INI DAN SANGGUP MENGEKALKAN PERPADUAN DAN MENERUSKANNYA. +

BELIAU BERKATA HASIL DARI KESEDARAN INI DAN KUKUHNYA PERPADUAN, KERAJAAN DAN NEGARA TELAH BERJAYA MENCAPAI KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN DALAM BERRAGAI BIDANG TERMASUK UGAMA. --BERSAMBUNG 1911/AI

MAHATHIR-PEMBANGUNAN 3 KOTA BAHARU

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGINGATKAN JIKA PERPADUAN DAPAT DIPECAHBELAHKAN, RAKYAT AKAN HANCUR DAN AKAN DITEWASKAN OLEH ORANG-ORANG LAIN.

+BAGAIMANAPUN NASIB KITA AMAT BAIK KERANA MEMPUYAI SATU PENTADBIRAN YANG BAIK DAN JUJUR YANG DAPAT SECARA BERKESAN MENGUKUHKAN PERPADUAN ITU. + TEGASNYA.

KATANYA, HASIL DARI USAHA INI KERAJAAN TELAH BERJAYA MENUMPUNKAN TENAGA DAN KEWANGAN UNTUK TUJUAN PEMBANGUNAN DEMI KEPENTINGAN RAKYAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA RAKYAT MENGHARGAI KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN YANG TELAH DICAPAI MEREKA PERLU BERUSAHA MENGEKALKANNYA.

BELIAU JUGA BERHARAP RAKYAT TIDAK AKAN TERPENGARUH DENGAN JANJI-JANJI PILIHANRAYA YANG DIBUAT OLEH PARTI-PARTI YANG TIDAK MAMPU MENUNAIKANNYA.

KATANYA, DALAM PENELITIAN JANJI-JANJI ITU RAKYAT PERLU BERTANYA +SIAPA YANG MEMBUATNYA DAN BUKAN MENGAPA IA DIBUAT. +

-- BERSAMBUNG 1921/AI

66

643:

HATHR -PEMBANGUNAN 4 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP RAKYAT NEGERI INI AKAN MEMIKIRKAN SEDALAM-DALAMNYA TENTANG NASIB HIDUP MEREKA DAN MEMBUAT KEPUTUSAN YANG BIJAK.

PELIAU JUGA BERHARAP RAKYAT NEGERI INI AKAN TERUS BEKERJA-SAMA ERAT DENGAN KERAJAAN PUSAT SUPAYA MEREKA DAPAT MERASAI NIKMAT YANG LEBIH BESAR.

KETIBAAN TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH DISAMBUT OLEH SEKUMPULAN 20 ORANG WANITA MEMPAWA +NASI SEMANGAT+.

HADIR SAMA TALAH MENTERI BESAR KELANTAN DATUK HAJI MOHAMAD NASIR. MASJID TERSEBUT MENELAN BELANJA LEBIH \$68,000.--BERNAMA 1924/A1